

**PERBANDINGAN PENCAPAIAN BAHASA MELAYU MURID-MURID
(TAHAP 2) YANG MEMAKAI ALAT BANTU PENDENGARAN DENGAN
MURID YANG TIDAK MEMAKAI ALAT BANTU PENDENGARAN DI
PROGRAM DAN SEKOLAH KHAS DI NEGERI KELANTAN**

Siti Jamilah Shamsuddin

Penyelia: Norhaniza binti Abdul Khairi dan Syahrulikram Mohd Yassin

Kajian deskriptif ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan pencapaian Bahasa Melayu (BM) antara murid-murid tahap dua yang memakai alat bantu pendengaran (ABP) dengan murid –murid tahap dua yang tidak memakai ABP di sekolah kebangsaan yang mempunyai program intergrasi masalah pendengaran (25 orang murid) dan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran (67 orang murid). Pencapaian BM diperhatikan melalui keputusan lulus atau gagal dalam dua jenis kertas peperiksaan yang berbeza iaitu BM 1 dan BM 2. Kertas BM 1 digunakan untuk menilai pemahaman murid, manakala kertas BM 2 digunakan untuk menguji kebolehan murid dalam menghasilkan karangan. Pencapaian kedua-dua kertas BM ini ditentukan melalui keputusan peperiksaan akhir tahun murid-murid tersebut. Skor mentah keputusan peperiksaan tersebut dianalisis untuk melihat sebarang persamaan atau perbezaan pencapaian. Soal selidik melibatkan 23 orang guru serta ibu bapa murid-murid dari kedua-dua buah sekolah tersebut turut dijalankan. Analisis statistik menggunakan ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian BM 1 dan BM 2 antara murid-murid tahap 2 yang menggunakan ABP dengan murid-murid yang tidak menggunakan ABP. Lebih ramai murid-murid yang memakai ABP memperoleh keputusan lulus berbanding murid-murid yang tidak memakai ABP. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan ABP yang konsisten dapat membantu murid-murid bermasalah pendengaran mencapai keputusan BM yang lebih baik.

Kata kunci: Pencapaian Bahasa Melayu, alat bantu pendengaran, murid-murid Sekolah Khas, Kelantan

COMPARISON OF BM PERFORMANCE AMONG HEARING IMPAIRED STUDENTS WITH AND WITHOUT HEARING AIDS IN KELANTAN

Siti Jamilah Shamsuddin

Penyelia: Norhaniza binti Abdul Khairi dan Syahrulikram Mohd Yassin

The primary purpose of this descriptive study is to investigate if there any differences in Bahasa Malaysia (BM hereafter) performance among aided and non-aided hearing impaired students who were studying in level 2 at a local primary school. Comparison was made between HA users and non-HA users to determine differences or similarities in their BM performance. This study was done in two different schools – the first, being a school with an integration programme (25 students) and the other, a special school for the hearing impaired (67 students). The results of two BM examination papers (BM 1 and BM 2) that has been taken from year-end examination result were analyzed into two groups (passed or failed). The BM 1 paper examined BM comprehension whereas the BM 2 paper looked at composition skills. A set of questionnaire were given to teachers and parents of the subjects. Statistical analysis using 'Chi Square Test' revealed that there was a significant difference in BM performance between HA users and non-HA users. HA users exhibited better performance than non-HA users. More HA users 'passed' the exams compared to non-HA's users. It was concluded that wearing HA consistently help hearing impaired students achieve better performance in BM.

Key words: Bahasa Melayu performance, hearing aids, Special School students, Kelantan

Shamsuddin, SJ 2009. Comparison Of BM Performance Among Hearing Impaired Students With And Without Hearing Aids In Kelantan. Bachelor of Health Science (Speech Pathology). Universiti Sains Malaysia